



Received: 2025-12-15

Accepted: 2026-06-17

Published: 2026-06-22

Original Article

Pendekatan Rawatan dan Pemulihan bagi Kumpulan LGBTQ: Perbincangan Awal

(Treatment and Rehabilitation Approaches for LGBTQ Individuals: A Preliminary Analysis)

Wan Roslili Abd. Majid^a & Muhammad Nur Akmal Adib Abdul Samad^a & Mohd. Zaidi Daud^b *

^a Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

^b Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

* Corresponding author, email; zaididaud@um.edu.my

ABSTRACT

This article critically examines the religious rights of individuals identifying as LGBTQ (Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, and Queer) from the perspective of Islamic jurisprudence while considering contemporary societal challenges. Particular attention is given to their entitlement to religious education, counselling, and spiritual guidance consistent with *Shari'ah* principles, as well as access to rehabilitation initiatives intended to support moral development, social well-being, and meaningful participation in society. By employing *fiqh* approaches such as *fiqh al-wāqi'* and primary sources including the Qur'an, Hadith, and legal documents, in addition to literature related to guidance (*irshād*) and rehabilitation (*islāh*), this study elucidates the importance of protecting these fundamental religious rights. Furthermore, it details the multifaceted challenges spanning theological, legal, and sociological dimensions encountered during the practical implementation of programs designed to actualize these rights. The study further highlights the importance of integrating spiritual guidance, psychosocial support, and community engagement in addressing the needs of LGBTQ individuals within an Islamic framework. Particular attention is given to rehabilitation initiatives such as *Mukhayyam*, which provide structured opportunities for religious learning, self-reflection, and personal development. These initiatives demonstrate that the protection of religious rights extends beyond legal and theological considerations to include access to supportive environments that nurture spiritual growth, strengthen personal resilience, and facilitate meaningful participation in religious life. In conclusion, this paper underscores that the continuity and strategic refinement of rehabilitation and guidance platforms are essential for ensuring that LGBTQ individuals receive comprehensive spiritual and psychological support, affirming their right to an appropriate path within the religious community.

Keywords: Religious right, LGBTQ, Rehabilitation Therapy, Psychotherapy, Mukhayyam

Pengenalan

Akronim LGBTQ+ mewakili pelbagai orientasi seksual dan identiti jantina, pada asalnya merujuk Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender, dan Queer/Questioning. Ia mengalami perkembangan dari semasa ke semasa dan merangkumi istilah seperti Interseks, Aseksual (ACE), dan Ally, dengan versi lanjutan seperti LGBTQIA+ atau LGBTQ2+IA. Menurut American Psychological Association (APA), simbol "+" melambangkan keterbukaan akronim ini dan memberikan ruang kepada identiti baharu dan sentiasa berkembang. Inklusiviti ini didakwa mencerminkan perkembangan bahasa yang berterusan dan pengiktirafan masyarakat (barat). Hal ini dianggap mereka sebagai peluang bagi individu untuk mentakrifkan diri mereka apabila masyarakat dikatakan semakin menyedari kewujudan identiti yang pelbagai.¹

Meskipun konsep orientasi seksual pertama kali dinyatakan dalam undang-undang antarabangsa pada tahun 1992, namun ia mengambil masa yang lebih lama untuk konsep identiti jantina diperkenalkan. Pengenalan konsep identiti jantina dilakukan pada tahun 2007, iaitu dengan pelancaran *Yogyakarta Principles on the Application of Human Rights Law in relation to Sexual Orientation and Gender Identity*.² Objektif utamanya adalah untuk menunjukkan bahawa hak orientasi seksual dan identiti jantina (SOGI) bukanlah hak 'baharu' sebagaimana didakwa oleh pihak yang menentang gerakan LGBTQ. Namun sebaliknya, ia hanyalah pelaksanaan konsep dan prinsip hak asasi manusia yang sedia ada untuk individu LGBT.³

Prinsip Yogyakarta berfungsi sebagai panduan sejagat atau piawaian antarabangsa untuk menangani dakwaan pencabulan hak asasi manusia terhadap golongan LGBT. Prinsip asas menyatakan bahawa semua orang, tanpa mengira orientasi seksual atau identiti jantina, berhak untuk menghormati, melindungi dan memenuhi hak asasi manusia mereka. Kenyataan akhir meliputi cadangan kepada negara, pertubuhan antara kerajaan serantau, masyarakat sivil, dan PBB sendiri sebagai tambahan bagi 29 prinsip yang diluluskan oleh pakar hak asasi manusia dengan sebulat suara.⁴

Hak berasal perkataan bahasa Arab, iaitu *haqq*. Dari segi bahasa, ia bermaksud sabit, sesuai, tepat, benar, wajib, perkara yang benar-benar berlaku dan hakikat. *Haqq* juga merupakan nama Allah. Menurut al-Taftazani dalam Syarh `Aqa'id al-Nasafi, hak bermaksud hukuman atau hujah yang bertepatan dengan realiti dan ia menunjukkan keyakinan. Perkataan lawan bagi hak ialah kebatilan.⁵ Di samping itu, hak juga membawa maksud kebenaran. Oleh itu,

¹ American Psychological Association, "A Guide to Sexual Orientation and Gender Diversity Terms," *American Psychological Association*, 23 Mei 2022, <https://www.apa.org/ed/precollege/psychology-teacher-network/introductory-psychology/diversity-terms>, diakses pada 24 Mei 2026.

² Arvind Narrain, "The Yogyakarta Principles on Sexual Orientation and Gender Identity: Establishing the Universality of Human Rights," *International Service for Human Rights (ISHR)*, 1 November 2016, <https://ishr.ch/latest-updates/yogyakarta-principles-sexual-orientation-and-gender-identity-establishing-universality-human/>, diakses pada 24 Mei 2026.

³ Rafidah Hanim Mokhtar, "Issues of Morality in the Application of Human Rights," kertas kerja Seminar *Universalisme vs Relativisme dalam Konteks Pemantauan Hak Asasi Manusia di Malaysia*, anjuran Perikatan Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia dalam Proses UPR (MACSA), Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws (AIKOL), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), dan UID-Sejahtera Malaysia, Dewan Senat, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 22 Mac 2023.

⁴ Wan Roslili Abd. Majid (2015). Rights Demanded by LGBT: A Preliminary Refutation, *TAFHIM: Journal of Islam and the Contemporary World* 8. 39-40.

⁵ Al-Tahanawi, *Kashshaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum*, (Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun, 1966).

setiap hak yang dituntut mestilah benar dan berasaskan kebenaran, manakala sesuatu yang salah tidak boleh dianggap sebagai hak seseorang. Perspektif Islam tentang hak dan kebebasan adalah berbeza dengan perspektif barat. Hak dan kewajipan dalam Islam saling berkaitan dan bersaling. Hak dianggap sebagai keistimewaan yang sepatutnya diperoleh oleh seseorang, manakala kewajipan ialah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan terhadap orang lain. Penekanan lebih besar diberikan kepada kewajipan berbanding dengan hak yang mencerminkan pandangan Muslim dalam pelaksanaan syariah.⁶

Dalam membincangkan hak beragama individu LGBT, amat wajar untuk memahami makna agama sebagaimana dijelaskan oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas. Hal ini penting disebabkan kefahaman yang jelas tentang perkara ini membolehkan setiap insan memahami kedudukannya sebagai hamba Allah, tanggungjawab yang dipikul di samping makna kehidupan di dunia ini dan akhirat. Agama atau *deen* sebagaimana disimpulkan oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas terdiri daripada empat konotasi, iaitu "keadaan berhutang, penyerahan diri, kuasa pengadilan, dan kecenderungan alami". Pada pendapat Profesor al-Attas, kewujudan merupakan kurniaan terbesar yang diterima manusia. Konsep keberhutangan dalam konteks rohaniah dan keagamaan bermaksud manusia berhutang dengan Allah, Sang Pencipta dan Pemelihara. Hal ini disebabkan Allah menjadikan manusia wujud (eksistensi) dan menjaganya agar sentiasa wujud.⁷

Sesaat setelah tercipta dan wujud, manusia sudah berada dalam kerugian besar kerana tidak memiliki sesuatu apa pun. Seseorang yang ingin membayar hutangnya mesti mengembalikan atau menyerahkan diri untuk mengabdikan atau berkhidmat kepada Allah. Oleh itu, manusia yang dianugerahi petunjuk kebenaran memperhambakan dirinya kepada Allah dan benar-benar mentaati perintah dan larangan-Nya."⁸

"Atas rasa keberhutangan ini, manusia yang dikurniai petunjuk kebenaran menyerahkan dirinya kepada Allah. Lebih-lebih lagi kerana ia ingat akan perjanjiannya dengan Allah, sebagaimana dirakamkan dalam ayat yang bermaksud, "Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka semua menjawab, "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi." (Al-Quran, Al-A'raf 7: 172) dan bertindak bersesuaian dengan apa yang telah diikrarkan. Oleh yang demikian, ibadah, tindakan, hidup, dan matinya hanya untuk Allah semata-mata. Penyerahan diri yang dilakukan manusia adalah secara sadar. Penyerahan diri ini juga tidak bermaksud kehilangan "kebebasan" bagi diri seseorang. Hal ini disebabkan kebebasan sesungguhnya bermaksud bertindak sesuai dengan tuntutan hakikat sebenar dirinya. Seseorang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dengan cara ini sebenarnya melaksanakan *deen*.⁹

Agama ialah penjelmaan kuasa mutlak Tuhan. Sebagai Pembuat perhitungan dan Hakim yang Agung (*al-dayyan*), Dia ialah Raja pada Hari Pengadilan dan Pembalasan. Kenyataan bahawa Allah juga disebut sebagai Raja dan segala sesuatu selain-Nya merupakan Kerajaan-Nya di samping Dia memiliki kekuasaan yang mutlak atasnya, menunjukkan bahawa manusia ialah *mamluk* atau hamba-Nya (*mamluk*). Konotasi terakhir merujuk kecenderungan semula jadi manusia untuk menjadi hamba (*abid*) Allah. Dalam konteks beragama, *abd* merupakan istilah yang tepat ditujukan kepada seseorang yang menyedari bahawa dirinya berhutang secara

⁶ Majid, "Rights Demanded by LGBT," 60.

⁷ Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, diterjemahkan oleh Khalif Muammar A. Harris, (Kuala Lumpur: RZS-CASIS-HAKIM, 1993).

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

mutlak kepada Allah, merendahkan dirinya dalam pengabdian kepada-Nya dan seluruh pengabdian disebut sebagai ibadah. Beribadah kepada Allah dengan cara demikian menjadikan manusia memenuhi tujuan penciptaan dan kewujudan dirinya. Kewajipan manusia untuk mengabdikan diri kepada Allah dirasakan sebagai hal yang biasa kerana ia datang sebagai kecenderungan alami manusia sebagai bahagian daripada dirinya untuk melakukan hal tersebut. Kecenderungan alami manusia untuk mengabdikan diri dan beribadah kepada Allah juga dirujuk sebagai *deen*. Dalam konteks keagamaan, ia memiliki pemaknaan yang lebih khusus sebagai keadaan alamiah yang disebut fitrah. Bahkan *deen* juga bermakna fitrah."¹⁰

Berdasarkan pandangan alam ini, seseorang tidak boleh bertindak menurut kehendak dan nafsu dengan sewenang-wenangnya. Pandangan alam berdasarkan *deen* juga menolak sebarang tuntutan atas nama hak asasi atau kebebasan yang bercanggah dengan ajaran agama. Hal berdasarkan kepercayaan bahawa manusia merupakan hamba Allah SWT dan mereka berkekwajipan untuk mentaati perintah-Nya dan menjauhkan diri daripada larangan-Nya, sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran (Al-Quran, Al-Nur 24:52) Dalam hubungan ini, kebaikan (makruf) dan keburukan (munkar) ditentukan oleh Allah SWT. dan bukannya berasaskan akal manusia semata-mata. "Sesungguhnya apa yang benar-benar baik ialah apa yang dianggap baik oleh syariah, manakala apa yang buruk atau keji ialah apa yang dianggap buruk atau keji oleh syariah."¹¹

Kedudukan *deen* dapat dilihat dalam kepentingan yang diletakkan di Malaysia. Sepanjang sejarah Islam di negara ini, rekod sejarah menunjukkan bahawa Islam merupakan bahagian penting dalam identiti negara dan mendapat pengiktirafan yang tinggi. Menurut Shamrahayu Abdul Aziz, "frasa "Islam ialah agama bagi Persekutuan" dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan merupakan "barang lama" yang sentiasa mendapat tempat. Islam tidak pernah lekang daripada bumi Tanah Melayu, bahkan telah diterima dan diiktiraf. Ia telah membumi dan mengalir dalam tanah dan air Tanah Melayu sehingga kini."¹² Dengan yang demikian, agama jelas merupakan asas penting yang membentuk identiti negara. Perundangan negara memberikan perhatian sewajarnya pada perkara berkaitan dengan agama, iaitu sama ada melalui undang-undang persekutuan yang menghormati perspektif agama dalam pelaksanaan peruntukan undang-undang mahupun melalui pelbagai enakmen negeri.

Pada dasarnya, Perlembagaan Persekutuan memberikan perhatian sewajarnya kepada kedudukan agama dan perkara-perkara berkaitan dengan agama, terutamanya kebebasan beragama yang termaktub di bawah Perkara 11 dokumen tersebut¹³ Hak untuk menganut dan mengamalkan agama atau kepercayaan seseorang adalah selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 18 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat. Dalam kes ini, pematuhan hak beragama memerlukan setiap warganegara untuk melaksanakan hak dan kewajipan agama masing-masing bagi mengamalkan agama sebelum kerajaan melaksanakan kewajipan untuk membantu dalam perkara tersebut melalui penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, hak beragama yang dimaksudkan di sini ialah hak Kumpulan LGBTQ untuk dibimbing ke jalan yang benar dan kembali kepada fitrah. Hal ini selaras dengan ajaran dan pendekatan agama Islam yang menekankan konsep pemulihan.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Al-Sarakhsi, Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahl, *Usul al-Sarakhsi* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.).

¹² Shamrahayu A. Aziz, *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan* (Kuala Lumpur: IKIM, 2018).

¹³ Shamrahayu A. Aziz, "Fahami Perkataan Agama dalam Perlembagaan," *Berita Harian*, 21 Disember 2017, <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/12/365970/fahami-perkataan-agama-dalam-perlembagaan>, diakses pada 25 Mei 2026.

Kajian Literature

Dalam kajiannya, Nur Syuhada Mohd Subri menegaskan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melaksanakan peranannya untuk menangani isu kecelaruan gender dengan menganjurkan program yang berbentuk dakwah. Program Mukhayyam amat penting untuk menyemai kesedaran dalam kalangan golongan transgender untuk kembali kepada fitrah mereka. Kelas lanjutan yang diadakan pula berdasarkan permintaan komuniti transgender yang ingin mendapatkan pengisian susulan. Dalam menyantuni komuniti ini melalui penganjuran program yang telah dinyatakan, pendekatan yang digunakan melibatkan aspek spiritual, jati diri, dan keadaan kesihatan fizikal serta mental. Tiga konsep asas yang ditetapkan oleh JAKIM dalam penganjuran program ini ialah pertama, santai dan terbuka tanpa sebarang unsur keganasan, kedua, tegas pada arahan dan hukum dan ketiga, memberikan bimbingan dan nasihat serta tidak menghukum. Pendekatan ini selaras dengan konteks semasa mengikut perspektif Fiqh al-Hadith dalam menangani kumpulan mukhannathah sebagaimana ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.¹⁴

Program Mukhayyam berjaya memberikan impak positif terhadap perkembangan golongan transgender di Malaysia. Hal ini terutamanya dengan kejayaan golongan transgender yang berjaya melakukan transformasi (*hijrah*) serta menjadi ikon mak nyah. Begitu juga dengan penubuhan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Komuniti Hijrah berdasarkan kesedaran untuk kembali ke pangkal jalan. Pengkaji juga menegaskan bahawa permasalahan teknikal yang dikenal pasti perlu diambil kira untuk memastikan kelangsungan program yang lebih bersifat holistik.¹⁵

Dalam penulisan bertajuk “Psycho-social and Spiritual Backgrounds, Experiences, and Needs as a Transexual: A Qualitative Study within Persatuan Insaf Pahang”, Draman S et.al menyatakan bahawa komuniti transeksual terus menghadapi diskriminasi dan penolakan daripada masyarakat. Berasaskan dapatan kajian, permusuhan atau kebencian masyarakat meliputi tiga aspek, iaitu persekitaran persekolahan, tempat kerja, dan pihak berkuasa agama. Menyentuh tentang peranan pentadbir dan kakitangan sekolah untuk membantu remaja transeksual, mereka perlu berusaha meredakan konflik dan menangani kekeliruan dalam kalangan remaja transeksual tersebut. Selain itu, mereka juga perlu membimbing remaja berkenaan tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan di samping menggalakkan mereka untuk membangunkan kemahiran yang memudahkan mereka dalam alam pekerjaan serta menamatkan pendidikan formal. Berhubung dengan tempat kerja pula, golongan transeksual perlu dilatih untuk memiliki kemahiran bagi memastikan mereka boleh diambil bekerja. Dalam hubungan ini, penamatan pendidikan menengah sekali lagi perlu diberikan penekanan besar. Selain itu, disebabkan golongan transeksual sukar memperoleh pekerjaan berikutan peraturan yang ketat dari segi kod pakaian, maka mereka mesti diberikan kefahaman bahawa penyesuaian sikap terhadap kod pakaian di tempat kerja perlu dilakukan. Hal ini bagi memastikan mereka dapat diterima oleh kalangan masyarakat awam.¹⁶

¹⁴ Nur Syuhada Mohd Subri, “Pendekatan Pemulihan kepada Orang Transgender mengikut *Fiqh al-Hadith*: Kajian Program Pemulihan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)” (disertasi Dr. Fal, Universiti Malaya, 2021).

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Samsul Draman, Maliya S., Liyana A., Roikhatul Jannah, dan Razaman Mod Rus (2016). Psycho-social and Spiritual Backgrounds, Experiences, and Needs as a Transsexual: A Qualitative Study within Persatuan Insaf Pahang. *International Medical Journal Malaysia* 15, no. 2: 27–36.

Seterusnya pihak berkuasa agama digalakkan untuk menyantuni kumpulan transeksual secara adil dan memberikan bimbingan agama serta sokongan rohani bagi membantu kumpulan tersebut mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Pihak berkuasa agama juga boleh menyediakan tempat seperti masjid dan dewan serta menganjurkan lebih banyak aktiviti untuk transeksual berkumpul. Hal ini bertujuan membolehkan mereka berada dalam persekitaran yang positif dan merasakan bahawa mereka tidak dipinggirkan oleh masyarakat. Pengkaji seterusnya menyarankan agar program televisyen boleh dihasilkan untuk mendidik orang awam tentang transeksualisme bagi mengurangkan tanggapan negatif terhadap golongan transeksual. Di samping itu, usaha melatih kumpulan profesional dalam bidang pendidikan, perubatan, dan agama untuk menangani keperluan khusus transeksual di negara ini amat perlu diteruskan. Pembangunan strategi dalam membantu transeksual mesti bersifat kreatif dan terkini bagi menggalakkan lebih banyak golongan transeksual tampil ke hadapan bagi mendapatkan bantuan.¹⁷

Sementara itu, kajian yang dilakukan Noor Hafizah Mohd Haridi et. al mendapati bahawa elemen kerohanian merupakan teras dan asas yang wajib diterapkan dalam program pemulihan komuniti LGBT. Pengkaji mengetengahkan usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak seperti JAKIM, Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri seperti MAIS, badan bukan kerajaan serta individu untuk menangani isu LGBTQ. Selain itu, terdapat juga pertubuhan yang ditubuhkan oleh individu LGBT yang telah berhijrah. Pertubuhan ini berusaha membantu komuniti LGBT untuk kembali mematuhi cara hidup Islam. Pendidikan dan penerapan kerohanian merupakan elemen utama yang perlu diterapkan, khususnya terhadap komuniti LGBT yang telah berhijrah. Amalan serta penghayatan solat merupakan teras dalam membantu penghijrahan mereka di samping niat berhijrah kerana Allah.¹⁸

Perkara ini penting bagi memastikan komuniti berkenaan tidak kembali kepada kehidupan sebelumnya. Dengan kata lain, mereka tidak lagi terlibat dalam kegiatan yang bertentangan dengan syariat Islam seperti pelacuran, budaya songsang dan sebagainya. Perkara ini diakui oleh komuniti yang telah berhijrah dan komited dengan penghijrahan mereka di samping membantu usaha dakwah bagi membawa komuniti LGBT yang masih mengamalkan budaya songsang untuk kembali ke pangkal jalan. Selain itu, informan yang ditemu bual turut mengakui usaha yang dilaksanakan bagi menghapuskan stigma kepada komuniti LGBT, menyantuni serta mendekati mereka secara berhikmah dalam program penghayatan Islam secara tidak langsung memberikan kesedaran agar komuniti tersebut berhijrah.¹⁹

Pendekatan yang sama ditekankan oleh Maisarah Mahmud dan Nur Zainatul Nadra Zainol, iaitu intervensi psikospiritual Islam, bimbingan kaunseling syarie oleh kaunselor syarie, serta program kerohanian seperti kem ibadah (*mukhayyam*). Pendekatan ini bertujuan membimbing golongan transgender misalnya untuk kembali kepada fitrah melalui pengukuhan jiwa, rohani, dan kefahaman agama. Selain itu, mereka menegaskan usaha bagi menangani gejala LGBT turut melibatkan penolakan hujah yang menyokong perlakuan songsang serta bantuan khusus melalui sesi kaunseling dan rawatan integratif. Secara keseluruhannya, pemulihan dan rawatan perlu dilaksanakan secara komprehensif bagi menghadapi isu LGBT agar tidak terus mempengaruhi

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Salleh, dan Khairul Hamimah Mohammad Jodi (2021). Kepentingan Pendekatan Rohani kepada Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) di Malaysia, dalam *Pembangunan Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial: Idea dan Analisis*, 113–121.

¹⁹ Ibid.

generasi seterusnya.²⁰ Berdasarkan kerangka ini, hak beragama LGBTQ dalam Islam difahami sebagai hak untuk dibimbing dan dipulihkan, bukan hak untuk menormalisasi perlakuan yang bercanggah dengan syariah.

Metodologi

Skop perbincangan dalam artikel ini menumpukan pada program bimbingan serta pemulihan bagi golongan LGBTQ dan cabaran yang dihadapi berikutan kecaman pihak tertentu. Metodologi yang digunakan dalam penulisan ini ialah analisis secara doktrinal terhadap kajian dan penulisan berhubung dengan bimbingan serta pemulihan golongan LGBTQ. Menurut Bowen (2009)²¹, analisis dokumen merupakan prosedur sistematik untuk menilai dokumen sama ada dalam bentuk cetakan atau elektronik. Sebagaimana kaedah analisis lain dalam penyelidikan kualitatif, analisis dokumen memerlukan data diperiksa dan ditafsirkan untuk mendapatkan makna, memperoleh kefahaman dan membangunkan pengetahuan empirikal. Dalam menjalankan kajian ini, penulis merujuk dua sumber utama, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer yang digunakan sebagai sumber rujukan ialah al-Quran dan Hadis. Data sekunder pula terdiri daripada buku, jurnal, kertas kerja, laporan akhbar, laporan khas badan hak asasi manusia dan sebagainya. Semua data ini dimanfaatkan sepenuhnya bagi mendapatkan hasil kajian, iaitu keberkesanan pendekatan dalam program bimbingan serta pemulihan dan langkah strategik dalam menangani bantahan terhadap program tersebut.

Analisis dan Perbincangan

Dalam usaha mendokong hak komuniti LGBT di seluruh dunia sebagai hak asasi manusia, Prinsip Yogyakarta cuba mengalihkan isu "perlakuan" kepada isu "hak" minoriti yang terpinggir, disalahfahami, dan diancam.²² Hal ini dilakukan untuk mempengaruhi dasar awam dan penerimaan masyarakat. Peralihan ini telah diterima pakai oleh Human Rights Watch, pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa yang menjalankan penyelidikan dan advokasi tentang hak asasi manusia. Pertubuhan ini menegaskan tindakan pertama yang perlu diambil selepas pengumuman Prinsip Yogyakarta pada 27 Oktober 2007 ialah dekriminalisasi homoseksualiti di 77 negara yang masih mempunyai undang-undang menentang hubungan sejenis dan pemansuhan hukuman mati di negara-negara yang masih melaksanakannya. Selain itu, pertubuhan hak asasi manusia dan LGBT mula menerima pakai prinsip tersebut manakala perbincangan berhubung dengan topik ini diketengahkan dalam kertas ilmiah, buku teks serta akhbar homoseksual.²³

Sokongan juga turut diberikan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) apabila ia tidak lagi mengklasifikasikan homoseksualiti sebagai kecelaruan mental pada 17 Mei 1990. Pada ketika itu, pengelasan telah dipinda dalam *International Statistical Classification of Disease and Related*

²⁰ Maisarah Mahmud dan Nur Zainatul Nadra Zainol (Disember 2022). Fenomena LGBT di Malaysia: Analisis Faktor dan Kaedah Pemulihan [The Phenomenon of LGBT in Malaysia: Factor Analysis and Rehabilitation Services for LGBT], *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23. No. 3, 136–147.

²¹ Glenn A. Bowen (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method, *Qualitative Research Journal*, Vol. 9 Issue: 2. 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>.

²² Mohd Izwan Md Yusof, "Perspektif Komuniti Lesbian, Gay, dan Transgender Muslim terhadap Perlakuan Homoseksual dan Konsep Perkahwinan dalam al-Qur'an" (disertasi Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016).

²³ Wan Roslili Abd. Majid (Jun 2023). Honouring the Religious Rights of the LGBTQ Persons: An Islamic Perspective. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 16, No. 1: 93.

Health Problems (ICD). Edisi baharu ICD, yang dikenali sebagai ICD-11, telah membuat pindaan untuk mencerminkan kefahaman moden tentang kesihatan seksual dan identiti jantina. Hal ini dilakukan dengan menyusun semula "transeksualisme" berasaskan konsep baharu "ketidaksesuaian jantina," yang bermaksud keadaan yang berkaitan dengan kesihatan seksual dan bukannya kecelaruan mental atau tingkah laku.²⁴

Langkah ini diambil oleh WHO untuk menyatakan sokongan bahawa LGBTQ benar-benar selaras dengan kehidupan normal dan sihat. Di samping itu, tarikan, perasaan, dan tingkah laku seksual dan romantis yang sama dianggap baik, iaitu variasi seksualiti manusia yang boleh diterima dengan sempurna dan tidak lagi dianggap sebagai penyelewengan. Dalam erti kata lain, kumpulan LGBTQ tidak boleh diberikan sebarang rawatan atau campur tangan kerana keutamaan seksual mereka dianggap sebagai fenomena semula jadi. Sehubungan dengan hal itu, sebarang jenis rawatan dan pemulihan untuk golongan LGBTQ akan dikritik hebat, tanpa mengira pendekatan yang diambil. Malangnya, pembela hak asasi manusia menganggap semua bentuk program pemulihan, termasuk yang berasaskan pendidikan agama dan kerohanian, sebagai sebahagian daripada amalan terapi pemulihan. Selain itu, program ini juga telah dilabelkan sebagai salah satu bentuk penyeksan yang boleh memberikan kesan buruk.²⁵

Hal ini dapat dilihat misalnya dalam laporan yang disediakan oleh International Rehabilitation Council for Torture Victims (IRCT), iaitu rangkaian global organisasi masyarakat sivil. IRCT yang terdiri daripada pakar perubatan dan perundangan mendakwa bahawa mereka memberikan bantuan dan sokongan kepada "mangsa penderaan" melalui pemulihan²⁶ termasuk kumpulan LGBTQ untuk memulakan hidup baharu.²⁷ Terapi pemulihan ditakrifkan IRCT sebagai set amalan yang bertujuan untuk mengubah orientasi seksual atau identiti jantina individu. Premisnya berasaskan kepercayaan bahawa terdapat satu orientasi seksual dan identiti jantina (SOGI) yang boleh diterima secara sosial. Selain itu, SOGI individu dipercayai boleh diubah, dibaiki atau disembuhkan, dan ia merupakan hasil yang diinginkan untuk individu, keluarga atau masyarakat. Usaha mengubah orientasi seksual (SOCE), terapi pemulihan, terapi reintegratif, terapi orientasi semula, terapi bekas gay, dan penyembuhan gay ialah istilah lain yang digunakan untuk menerangkan²⁸ set amalan yang luas yang digunakan secara berasingan atau bersama-sama dalam percubaan untuk memulihkan kumpulan LGBTQ.

Menurut IRCT, langkah pemulihan ini termasuk terapi perbualan atau psikoterapi yang meliputi terapi berkumpulan. Terapi ini memberikan peluang kepada individu yang terlibat untuk menyelami peristiwa yang berlaku dalam kehidupan dan mengenal pasti puncanya. Selain itu, terapi juga dijalankan dengan memberikan ubat-ubatan termasuk anti-psikotik, anti-kemurungan, ubat anti-keimbangan, ubat psikoaktif, dan suntikan hormon. Seterusnya, terapi

²⁴ World Health Organization, "Moving One Step Closer to Better Health and Rights for Transgender People," *World Health Organization*, 17 Mei 2019, <https://www.who.int/europe/news/item/17-05-2019-moving-one-step-closer-to-better-health-and-rights-for-transgender-people>, diakses pada 25 Mei 2026.

²⁵ Asia Pacific Transgender Network, *Conversion Therapy Practices in Malaysia* (t.t.), <https://www.aidsdatahub.org/sites/default/files/resource/conversion-therapy-2020-malaysia-country-snapshot.pdf>, diakses 19 Mei 2025.

²⁶ "About the IRCT," *International Rehabilitation Council for Torture Victims (IRCT)*, <https://irct.org/about-the-irct/>, diakses 23 Jun 2025.

²⁷ "LGBTQ+ and Torture," *International Rehabilitation Council for Torture Victims (IRCT)*, <https://irct.org/lgbt-and-torture/>, diakses 20 Jun 2025.

²⁸ Independent Forensic Expert Group, "Statement on Conversion Therapy" (t.t.), https://www.ohchr.org/sites/default/files/Documents/Issues/SexualOrientation/IESOGI/CSOAJ/IFEG_State%20ment_on_C.T._for_publication.pdf, diakses 19 Mei 2025.

turut meliputi penyahpekaan dan pemprosesan pemula pergerakan mata, iaitu seseorang menumpukan perhatian pada memori yang mencetuskan trauma dan mengalami rangsangan dua hala secara serentak. IRCT turut menyenaraikan terapi kejutan elektrik atau terapi elektrokonvulsif (ECT) sebagai terapi pemulihan untuk golongan LGBTQ, iaitu elektrod dipasang pada kepala dan arus elektrik dialirkan di antara elektrod tersebut untuk menyebabkan berlakunya serangan sawan. Begitu juga dengan rawatan aversif, termasuklah kejutan elektrik pada tangan dan/atau alat kelamin atau ubat yang menyebabkan rasa loya yang diberikan berserta dengan pendedahan kepada rangsangan homoerotik) paksaan untuk tidak berpakaian di hadapan orang lain, penyesuaian tingkah laku misalnya dipaksa berpakaian atau berjalan dengan cara tertentu, pengasingan, iaitu kadangkala untuk tempoh yang panjang, termasuk pengurungan berasingan atau dihalang daripada berinteraksi dengan dunia luar, hipnosis, pukulan, dan bentuk keganasan lain untuk tujuan pemulihan lain termasuk rogol, dan sebagainya.²⁹

Kedudukan LGBTQ di Malaysia

Dalam sejarah moden sekitar tahun 2011, kelompok LGBTQ mendapat tempat apabila mereka berjaya meyakinkan masyarakat terutamanya di barat untuk menilai status gaya hidup LGBTQ sebagai hak asasi manusia.³⁰ LGBTQ kini merupakan fenomena sosial di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Pelbagai tuntutan dilakukan oleh golongan ini atas prinsip hak asasi manusia sebagai alasan untuk mengiktiraf kewujudan mereka.³¹ Terdapat pihak yang menggambarkannya sebagai hasil daripada konsep hak asasi manusia, serta hak untuk mengamalkan dan menjalani kehidupan berasaskan kecenderungan seksual seseorang meskipun dianggap menyimpang oleh masyarakat, agama atau kepercayaan mereka. Pada zaman media baharu, budaya dan gaya hidup LGBTQ telah tersebar di seluruh dunia. Twitter, sebagai contoh, pernah memainkan peranan penting dalam menyebarkan budaya dan pergerakan LGBTQ.³²

Meskipun tiada bancian komuniti LGBTQ di Malaysia,³³ namun terdapat beberapa penunjuk yang boleh digunakan untuk menggambarkan kumpulan dan pergerakannya. Menurut Dr. Hatta Sidi, sehingga 20 kes lama dan baharu golongan LGBTQ diiktiraf setiap tahun. Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, komuniti gay dan lesbian dianggarkan kira-kira 173,000 orang di Malaysia, atau 2% daripada jumlah penduduk.³⁴ Penyelidikan yang dijalankan oleh Yik pada tahun 2011 mendapati bahawa 65% daripada mak nyah bekerja sebagai

²⁹ International Rehabilitation Council for Torture Victims. t.t., *It's Torture Not Therapy – A Global Overview of Conversion Therapy: Practices, Perpetrators, and the Role of States*, <https://irct.org/wp-content/uploads/2022/08/Its-Torture-Not-Therapy-2020.pdf>, diakses 18 Mei 2025.

³⁰ Enizahura Abdul Aziz, "Kemunculan Fahaman dan Amalan LGBT," dalam *Kekeliruan Gender: Penjelasan Islam*, disunting oleh Azizan Baharuddin, Enizahura Abdul Aziz, dan Mohd Amiruddin Kamarulzaidi (Kuala Lumpur: IKIM, 2023), 27–36.

³¹ Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal, dan Muhammad Najib Abdul Wakil (2020). Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan terhadap Aspek Kajian. *INSLA e-Proceeding* 3, No. 1, 459–470.

³² Muhammad Faiz Mokhtar, Wan Allef Elfi Danial Wan Sukeri, dan Zulkifli Abd Latiff (2019). Peranan Media Sosial dalam Menyebarkan Gerakan LGBT di Malaysia. *Jurnal Media dan Komunikasi Asia* 3, No. 2, 77–82.

³³ Mohd Izwan Md Yusof, Meneroka Fitrah Insani, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021), 38.

³⁴ Saiful Azhar Saadon dan Mohd Izwan Yusof, "Program Mukhyyam oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender (LGBT) di Malaysia," dalam *Prosiding Seminar "Innovation in Humanities and Social Sciences"* (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia [UPNM], 2016), 2.

pekerja seks, 25% sebagai penghibur kelab, salon kecantikan dan rambut serta butik, 8% bekerja dengan syarikat swasta dan 2% ialah peniaga gerai makanan. Sementara itu, kajian oleh Lim menunjukkan bahawa bilangan mak nyah yang terlibat dalam pekerjaan seks sebenarnya dua kali ganda daripada yang dilaporkan.³⁵

Gerakan LGBTQ bertujuan mendapatkan pengiktirafan dan mengukuhkan perlindungan hak asasi manusia komuniti LGBTQ. Komuniti ini dianggap sebagai kumpulan minoriti dalam masyarakat kerana ia bertentangan dengan orientasi seksual yang normal. Namun begitu, kumpulan ini secara aktif menuntut hak tertentu dalam kehidupan sosial. Senario dalam kehidupan masyarakat moden menunjukkan bahawa penyokong komuniti dan gerakan ini terdiri daripada individu yang diiktiraf sebagai pembela hak asasi manusia dan diberikan anugerah oleh pelbagai pihak pada peringkat antarabangsa.³⁶ Rangkaian LGBTQ juga telah muncul di Malaysia, dan mereka terus berkembang dalam kehidupan masyarakat melalui pembentukan NGO yang secara aktif memperjuangkan hak LGBTQ. Meskipun gaya hidup dan tuntutan kumpulan berkenaan bertentangan dengan prinsip Islam dan norma masyarakat setempat, kegiatan LGBTQ terus berkembang dalam masyarakat kini.³⁷

Sehubungan dengan hal itu, rangkaian maklumat yang menyokong hak sivil komuniti ini, yang dikenali sebagai Gerakan Homoseksual atau LGBT telah ditubuhkan. Gerakan ini meliputi Seksualiti Merdeka, *Good as You Malaysia*, *A Malaysian LGBT Community Project*, LPG Malaysia, dan *Men After Work*.³⁸ Dari segi laporan, Human Rights Watch, sebuah pertubuhan antarabangsa misalnya, menerbitkan tinjauan bertajuk "I am Scared to Be a Woman" pada September 2014 untuk menangani penganiayaan yang didakwa dihadapi oleh golongan transgender di Malaysia. Pada Ogos 2022, pertubuhan itu menerbitkan laporan bertajuk "I Don't Want to Change Myself" untuk menggesa kerajaan Malaysia menghentikan segera program pemulihan untuk golongan LGBTQ.³⁹

Laporan itu diterbitkan berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh Human Rights Watch dan Justice for Sisters antara Mac 2018 hingga Julai 2021. Laporan itu mengemukakan dakwaan yang tidak benar berkaitan dengan program Mukhayyam. Program ini dikatakan meliputi usaha mengubah orientasi seksual dan identiti jantina yang juga dikenali sebagai "conversion therapy". Kerajaan Malaysia digesa untuk menghentikan "pembiayaan bagi amalan pemulihan" dan memansuhkan undang-undang yang mendiskriminasi individu berdasarkan orientasi seksual dan identiti jantina. Dalam konteks ini, dikatakan bahawa pemulihan dan "hukuman" terhadap golongan LGBTQ perlu digantikan dengan komitmen kerajaan terhadap penerimaan, keterangkuman dan layanan tanpa diskriminasi.⁴⁰

Sementara itu, terdapat juga program seperti Seksualiti Merdeka⁴¹ diadakan untuk menyokong LGBTQ pergerakan di negara ini.⁴² Walau bagaimanapun, program ini ditentang

³⁵ Md Yusof, *Meneroka Fitrah Insani*, 29.

³⁶ Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman, dan Rosni Wazir (2016). Metodologi Dakwah terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*, Isu II, Bil. 9, 103–119.

³⁷ Ibid.

³⁸ Md Yusof, *Meneroka Fitrah Insani*, 41.

³⁹ Human Rights Watch, *I Don't Want to Change Myself: Anti-LGBT Conversion Practices, Discrimination, and Violence in Malaysia* (2022), <https://www.hrw.org/report/2022/08/10/i-dont-want-change-myself/anti-lgbt-conversion-practices-discrimination-and>, diakses 25 Jun 2025.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ "Seksualiti Merdeka," *Wikipedia*, t.t., https://en.wikipedia.org/wiki/Seksualiti_Merdeka, diakses pada 12 Februari 2025.

keras oleh masyarakat dan menjadi perdebatan hangat dalam media massa.⁴³ Hal ini seterusnya mendorong Majlis Fatwa Kebangsaan mengeluarkan fatwa yang mengharamkan program itu, selain cadangan ahli Parlimen bahawa semua aktiviti berkaitan dengan LGBT perlu dibendung melalui penguatkuasaan undang-undang.⁴⁴

Selain itu, terdapat beberapa program lain yang dianjurkan gerakan LGBTQ seperti Pride Not Prejudice pada 6-8 Jun 2017, tetapi kemudiannya dibatalkan. Walau bagaimanapun, pembatalan program ini kemudian diikuti oleh program lain.⁴⁵ Dari perspektif undang-undang, kes Kerajaan Negeri Sembilan & Ors. Iwn Muhammad Juzaili Mohd Khamis & Ors [2015] 8 CLJ 975 merupakan salah satu kes penting yang menzahirkan kecenderungan untuk mengukur hukum syarak berasaskan nilai liberal hak asasi barat.⁴⁶ Kes itu melibatkan permohonan seorang lelaki Muslim untuk mempertahankan hak sebagai transgender dengan mencabar kesahihan dan keperlembagaan Seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.⁴⁷

Selain kes ini, terdapat satu lagi kes, iaitu Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323. Fakta kes ini berkaitan dengan pendakwaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor terhadap Iki Putra atas pertuduhan kesalahan liwat. Oleh sebab tidak berpuas hati dengan pertuduhan ini, Iki Putra telah mencabar peruntukan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah 1995 dengan mendakwa bahawa negeri/Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal atau membicarakan jenayah liwat. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Seksyen 28 Enakmen Jenayah Islam Selangor 1995 berkenaan dengan kesalahan persetubuhan luar tabii adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Hal ini disebabkan kesalahan persetubuhan luar tabii terletak di bawah bidang kuasa persekutuan dan bukannya dalam bidang kuasa negeri. Dalam hal ini, kesalahan liwat telah pun diperuntukan dalam Seksyen 377A Kanun Keseksaan. Dengan yang demikian, Dewan Undangan Negeri Selangor tidak mempunyai kuasa untuk menggubal Seksyen 28 Enakmen Jenayah Islam Selangor 1995. Keputusan ini sekali gus menyebabkan hukuman terhadap Iki Putra yang didakwa melakukan persetubuhan luar tabii tidak dapat dilaksanakan.⁴⁸

Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra Mubarak [2021] telah menetapkan duluan perundangan yang secara signifikan menyempitkan kompetensi badan perundangan negeri untuk menggubal undang-undang jenayah syariah sekiranya terdapat pertindihan dengan senarai Persekutuan dalam Perlembagaan. Ketetapan ini mencetuskan kebimbangan terhadap kelompangan undang-undang (*legal vacuum*),. Hal ini bermaksud pembatalan peruntukan syariah atas dasar bidang kuasa tidak disusuli dengan penguatkuasaan yang efektif di bawah undang-undang sivil, sebagaimana yang diperhatikan dalam ketiadaan pendakwaan susulan terhadap subjek kes tersebut sehingga kini. Implikasi daripada tafsiran

⁴² Majid, "Honouring the Religious Rights of the LGBTQ Persons," 100.

⁴³ Ariffuddin Ishak, "Majlis Fatwa Kebangsaan Digesa Halang Program Seksualiti Merdeka," *mStar*, 1 November 2011, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/11/01/majlis-fatwa-kebangsaan-digesahalang-program-seksualiti-merdeka>, diakses pada 25 Mei 2026.

⁴⁴ Md Yusof. 2021. Meneroka Fitrah Insani, 95.

⁴⁵ Majid, "Honouring the Religious Rights of the LGBTQ Persons," 101.

⁴⁶ Abdul Hamid Mohamad, "Ulasan Kes Muhamad Juzaili" (2014). <https://tunabulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/738-ulasan-penghakiman-kes-muhamad-juzaili>

⁴⁷ Majid, "Honouring the Religious Rights of the LGBTQ Persons," 101.

⁴⁸ Muhammad Hafizuddin Zakaria, "Mahkamah Syariah dan Cabarannya di Malaysia," *Legal Buzz* (2022), <https://canselori.umt.edu.my/wp-content/uploads/2023/01/Legal-Buzz-lsu-9-December-2022.pdf>.

sempit ini bukan sahaja menjejaskan kelangsungan penguatkuasaan syariah pada peringkat negeri, malah dilihat sebagai ancaman sistemik terhadap kedudukan Mahkamah Syariah dan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan melalui penerapan doktrin struktur asas (*basic structure doctrine*). Oleh itu, wujud keperluan mendesak bagi pendekatan tafsiran yang lebih harmoni oleh mahkamah atau pindaan perlembagaan bagi mengelakkan kelumpuhan tadbir urus jenayah syariah dan memastikan kedaulatan undang-undang agama tidak terpinggir dalam kerangka dualisme perundangan Malaysia.

Pembela hak asasi manusia mengalu-alukan keputusan Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor dan meraikannya sebagai kemenangan penting bagi golongan LGBTQ.⁴⁹ Mereka juga berharap agar keputusan itu akan membawa kepada pemansuhan undang-undang "diskriminasi" lain pada masa hadapan.⁵⁰ Gabungan NGO liberal yang menggunakan label COMANGO (Gabungan Badan-Badan Bukan Kerajaan dalam Proses UPR) dan menyokong gerakan serta hak LGBTQ juga memanfaatkan mekanisme Semakan Berkala Sejangat (UPR) Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mentafsirkan kebebasan yang melanggar sempadan yang ditentukan Islam. Sehubungan dengan hal itu, mereka bertegas untuk memansuhkan beberapa seksyen dalam Kanun Keseksaan, dan Enakmen Syariah Negeri,⁵¹ di samping tuntutan lain yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang tempatan.⁵²

Dalam Laporan Pertengahan Penggal Pusingan ke-3 Malaysia dalam Proses UPR,⁵³ COMANGO, antara lain, mengemukakan cadangan untuk menamatkan program pemulihan yang dibiayai oleh kerajaan yang menyamai "penyiksaan". Selain itu, badan berkenaan juga mengesyorkan supaya menggubal undang-undang digubal untuk menjadikan penganjuran dan pelaksanaan terapi pemulihan sebagai kesalahan atau bertentangan dengan undang-undang. Laporan itu juga memberikan cadangan agar dimansuhkan semua undang-undang yang menjadikan kumpulan LGBTQ sebagai pesalah dan boleh didakwa. Selain itu, hak asasi untuk bersuara, berhimpun, dan berpersatuan bagi golongan LGBTQ diperuntukkan diberikan jaminan, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kerajaan Persekutuan juga digesa untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan perundangan syariah peringkat negeri adalah selaras dengan kebebasan asas yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

⁴⁹ Ida Lim, "Mahkamah Persekutuan Sebulat Suara Mengisytiharkan Undang-undang Syariah Menjenayahkan Seks Luar Wajar Tidak Sah, Tidak Berperlembagaan," *Malay Mail*, 2021, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/25/federal-court-unanimously-declares-selangor-shariah-law-criminalising-unnat/1952701>. 25 Februari diakses pada 14 April 2025.

⁵⁰ Amnesty International, "Landmark Decision on Section 28 Welcome and Must Lead to Repeal of Other Discriminatory Laws," *Amnesty International*, 25 Februari 2021, <https://www.amnesty.my/2021/02/25/landmark-decision-on-section-28-welcome-and-must-lead-to-repeal-of-other-discriminatory-laws/>, diakses pada 19 Mei 2025.

⁵¹ Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO), *COMANGO-Report-11Mar2013-FINAL-+-Annexure.pdf* (2013), <http://www.awam.org.my/web/wp-content/uploads/2012/11/>, diakses pada 20 April 2025.

⁵² Azril Mohd. Amin, "Tuntutan Hak Asasi Manusia Jangan Korbankan Islam," *Berita Harian*, 9 Oktober 2017, 10, <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/10/335067/tuntutan-hak-asasi-jangan-korbankan-islam>, diakses pada 25 Mei 2026.

⁵³ Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO), *Civil Society Mid-Term Report on Malaysia's 3rd Cycle in the UPR Process* (2021), https://komas.org/download/Mid-Term_Report_for_Malaysias_3rd_Cycle_by_Civil_Society_COMANGO.pdf, diakses pada 20 April 2025.

Sebagaimana sokongan diberikan kepada GH atau LGBTQ di Malaysia, terdapat juga langkah pencegahan dan bantahan juga dapat dilihat dari beberapa sudut. Tindakan tersebut bertujuan mempertahankan kedaulatan agama dan kesucian ajaran Islam dan mempertahankan budaya ketimuran. Hal ini pula selanjutnya dapat mengekalkan keharmonian dan ketenteraman awam negara ini. Dari sudut fatwa, Muzakarah Fatwa Kebangsaan ke-25 pada 13 Disember 1989 menyimpulkan bahawa (a) penukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak (b) seseorang yang dilahirkan “khunsa musykil (*hermaphrodites*), iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan, lelaki dan perempuan, diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.⁵⁴

Selain itu, muzakarah turut memberikan pengecualian terhadap penukaran jantina dalam isu kekeliruan jantina seperti *congenital adrenal hyperplasia* dan *testicular feminization syndrome* yang turut termasuk dalam kategori khunsa musykil. Muzakarah juga membuat kesimpulan bahawa perkahwinan transgender dianggap haram dan tidak sah kerana pasangan itu secara biologi tetap lelaki atau wanita. Hubungan yang berlaku antara pasangan berkenaan ialah homoseksual.⁵⁵

Dari sudut perundangan, sama ada syariah mahupun sivil, perlakuan LGBTQ dianggap sebagai satu kesalahan. Sebagai contoh, Akta 559 (Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyenaraikan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan perlakuan berkenaan, iaitu perisetubuhan di luar nikah (Seksyen 23), perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan perisetubuhan luar nikah (Seksyen 24), liwat (Seksyen 25), musahaqah (Seksyen 26), orang lelaki berlagak seperti perempuan (Seksyen 28), dan perbuatan tidak sopan di tempat awam (Seksyen 29). Bagi perundangan sivil pula, Seksyen 377A, 377B, dan 377C Kanun Keseksaan memperuntukkan jenis kesalahan dan hukuman bagi seks di luar tabii.

Selain itu, peranan yang dilaksanakan dengan berkesan oleh Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) Islam seperti MACSA⁵⁶ bagi mengimbangi laporan yang dikemukakan oleh COMANGO perlu diberikan perhatian dan pengiktirafan. Laporan yang dikemukakan MACSA turut memberikan tumpuan utama kepada hak beragama golongan LGBTQ. Laporan Separuh Penggal bagi Pusingan Ketiga UPR Malaysia, iaitu pada Januari 2022, MACSA antara lain memberikan syor agar penilaian terhadap impak hak asasi manusia secara bebas dilakukan bagi meneliti program dan pendekatan yang dilaksanakan JAKIM berkaitan dengan isu LGBTQ. Sehubungan dengan hal itu, pakar daripada pelbagai kumpulan agama yang mempunyai wawasan mendalam serta dihormati pandangan mereka dalam bidang ini perlu dilibatkan.⁵⁷

⁵⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Manual Islam dan Mak Nyah* (Putrajaya: JAKIM, 2013), https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Manual_Islam_dan_Mak_Nyah-2.pdf, diakses pada 14 April 2025.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ MACSA, *Joint Submission for Stakeholders' Information: 4th Cycle of Universal Periodic Review on Malaysia* (2024), <https://macsa.com.my/wp-content/uploads/2023/09/MACSA-UPR4-FINALIZED.pdf>, diakses pada 26 April 2025.

⁵⁷ MACSA, *Mid-Term Report on Malaysia 3rd Cycle in UPR Process* (2022), <https://www.ohchr.org/sites/default/files/2022-01/MACSA-Mid-Term-Report-Malaysia-3rd-cycle.pdf>, diakses pada 24 April 2026.

Bagi Pusingan Keempat UPR Malaysia pada 25 Januari 2024, MACSA mengemukakan beberapa syor berkaitan dengan hak beragama golongan LGBTQ. Antaranya termasuklah pertama, mendidik masyarakat Malaysia untuk menghormati dan mempertahankan hak individu LGBT berkaitan dengan kebebasan beragama dan kepercayaan. Kedua, melindungi dan mempromosikan hak individu LGBT untuk menganut, mengamalkan, dan menzahirkan kepercayaan agama serta keyakinan, selaras dengan hak kebebasan beragama di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Ketiga, menggubal undang-undang untuk menangani dan menentang prejudis terhadap hak dan kebebasan beragama individu LGBT.⁵⁸

Hak Beragama LGBTQ: Rawatan dan Pemulihan

Saiful Azhar dan Mohd Izwan merumuskan kategori golongan LGBTQ kepada tiga kumpulan. Kategori pertama ialah golongan yang telah mengubah orientasi seksual atau identiti jantina mereka dan memerlukan sokongan daripada keluarga dan masyarakat. Kedua, golongan yang masih terlibat, namun wujud penyesalan dalam diri dan sedang berusaha untuk bermujahadah menghadapi ketertarikan seksual. Sehubungan dengan hal itu, masyarakat perlu memberikan bimbingan dan sokongan serta mengelakkan diri daripada memberikan tohmahan kepada mereka. Kategori terakhir ialah golongan yang meyakini bahawa ketertarikan seksual sejenis telah ditakdirkan oleh Allah SWT dan menjalani kehidupan sebagaimana yang ditakdirkan Allah SWT. Pendekatan terbaik bagi menghadapi golongan ini ialah dialog dan penghujahan secara berhikmah bagi meyakinkan mereka.⁵⁹ Pada masa ini, pendekatan kerajaan untuk menangani isu berkaitan dengan kumpulan LGBTQ, terutamanya transgender, dilakukan melalui penguatkuasaan undang-undang dan aktiviti temu seru atau santunan, iaitu penguatkuasaan hanya akan dilaksanakan berdasarkan aduan yang diterima. Dalam hubungan ini, Jabatan Agama Islam Negeri menjalankan tugas penguatkuasaan berkenaan.

Hatta Sidi (2006) menyatakan tiada rawatan yang khusus untuk individu yang mengalami gangguan orientasi seksual (lesbian, gay, biseksual) atau kecelaruan identiti jantina (transgender). Dalam hubungan ini, terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Dr Robert Spitzer, Profesor Psikiatri, Universiti Columbia. Hasil kajian yang bertajuk *Archives of Sexual Behavior* Dr Spitzer diterbitkan pada Oktober 2003. Menariknya, beliau berperanan mengeluarkan homoseksualiti daripada senarai kecelaruan mental American Psychiatric Association (APA) pada tahun 1973. Dalam tulisannya, beliau menegaskan pendirian bahawa seseorang boleh mengubah orientasi seksual daripada homoseksual kepada heteroseksual. Spitzer menemui bual lebih 200 orang, kebanyakan mereka mendakwa bahawa melalui kaunseling terapi reparatif, kehendak mereka terhadap sesama jenis sama ada dapat dihapuskan secara signifikan atau juga mereka dapat membuat perubahan kepada orientasi heteroseksual.⁶⁰

Rawatan terhadap golongan homoseksual dianggap perlu di negara seperti Malaysia, meskipun terdapat bantahan yang disuarakan.⁶¹ Namun, keadaan sebaliknya di barat yang

⁵⁸ MACSA, *Joint Submission for Stakeholders' Information: 4th Cycle of Universal Periodic Review on Malaysia* (2024), <https://macsa.com.my/wp-content/uploads/2023/09/MACSA-UPR4-FINALIZED.pdf>

⁵⁹ Saiful Azhar Saadon dan Mohd Izwan Md Yusof (2017). Unsur-unsur Psispiritual Islam dalam Video Pendek 'LGBT: Apa yang Anda Perlu Tahu?' Penerbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Jurnal Pengajian Islam* 10, II, 217-218.

⁶⁰ Robert Knight, *Born or Bred?* (t.t.), Born or Bred. <https://www.islamawareness.net/Homosexuality/bornorbred.pdf>

⁶¹ "Learn about Us First, Transgender Activist Tells Terengganu over Proposed Rehab Course," *Malay Mail*, 2017, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2017/12/29/learn-about-us-first-transgender-activist-tells-terengganu-over-proposed-re/1542445>, diakses pada 24 April 2025.

menganggap mereka sebagai rakyat biasa dan mempunyai hak sama rata.⁶² Hatta Sidi (2006) mencadangkan tiga bentuk rawatan terhadap komuniti LGBT, iaitu dengan menggunakan pendekatan kaunseling, psikospiritual, dan perubatan. Saiful Azhar dan Mohd Izwan menyatakan cadangan ini sesuai dipertimbang dalam konteks masyarakat Malaysia dengan mengambil kira dua perkara. Pertama, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan kedua, budaya ketimuran sebagai teras masyarakat. Sehubungan dengan hal itu, kajian yang dilakukan memberikan tumpuan terhadap pendekatan psikospiritual, khususnya bagi individu Muslim yang terlibat dalam perlakuan homoseksual sebagai langkah untuk meninggalkan perlakuan tersebut.⁶³

Dalam konteks ini, rawatan dan pemulihan merujuk bimbingan secara sukarela, pendidikan keagamaan dan sokongan psikospiritual Islam. Psikoterapi Islam bermaksud merawat penyakit mental, spiritual, moral, dan fizikal berdasarkan kaedah yang digariskan Islam seperti daripada al-Qur'an, al-Sunnah, panduan ulama, golongan salih dan ilmu pengetahuan Islam. Kaedah psikoterapi Islam bertujuan membentuk keperibadian yang harmoni, sihat, dan seimbang dan selanjutnya menumpukan emosi dan pemikiran bagi mendapatkan keredaan Allah berasaskan jalan atau ajaran Islam. Elemen psikospiritual Islam ini berteraskan konsep *tazkiyah al-nafs* dan meliputi *mujahadah al-nafs* dan *riyadah al-nafs*. Elemen *mujahadah al-nafs* yang dicadangkan meliputi taubat, menjauhi perlakuan yang mendorong perlakuan LGBT, mencari persekitaran dan pergaulan yang baik serta meyakinkan diri sendiri bahawa orang lain juga bukan homoseksual. Elemen *riyadah al-nafs* yang dicadangkan pula termasuklah berkahwin bagi yang mampu, berpuasa, bersabar, berdoa, mengingati, dan berharap (raja') kepada Allah.⁶⁴

Merujuk program rawatan dan pemulihan (*'Ilaj wa Syifa'*) yang dijalankan JAKIM, iaitu Mukhayyam,⁶⁵ ia bertujuan memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah. Pelaksanaan program ini berpandukan garis panduan yang disediakan dalam Manual Islam dan Mak Nyah yang diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 2013. Penerbitan manual ini bertujuan untuk dijadikan rujukan oleh semua sukarelawan dan NGO Islam. Pengisian program mukhayyam meliputi lima (5) elemen utama, iaitu kesedaran kerohanian, pengetahuan asas agama seperti akidah dan fardu ain, motivasi diri dan kerjaya, kesedaran kesihatan seperti HIV⁶⁶, serta aktiviti kecergasan fizikal. Walau bagaimanapun,

⁶² Human Rights Watch, *All We Want Is Equality: Religious Exemptions and Discrimination against LGBT People in the United States* (2018), <https://www.hrw.org/report/2018/02/19/all-we-want-equality/religious-exemptions-and-discrimination-against-lgbt-people>, diakses pada 19 Mac 2025.

⁶³ Saadon dan Md Yusof, "Unsur-unsur Psispiritual Islam," 218.

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Kesedaran berkaitan dengan peningkatan kes HIV amat perlu diberikan kepada kumpulan ini terutama dengan pendedahan yang diberikan badan berautoriti seperti Majlis Aids Malaysia (MAC) dan Yayasan Aids Malaysia (MAF). Sebagaimana dilaporkan media, kes jangkitan HIV dalam kalangan penuntut universiti dan sekolah yang kebanyakannya berusia antara 20 hingga 29 tahun menunjukkan peningkatan dengan kebanyakan mereka menerima jangkitan akibat aktiviti seksual. Rekod terbaharu menunjukkan 62 peratus jangkitan HIV adalah daripada golongan homoseksual dan biseksual, manakala 33 peratus jangkitan daripada pasangan berlainan jantina. Suraya Roslan, "Kes HIV Penuntut Universiti, Sekolah Makin Tinggi Angkara Aktiviti Seksual," *Berita Harian*, 26 April 2025, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1389081/kes-hiv-penuntut-universiti-sekolah-makin-tinggi-angkara-aktiviti>, diakses pada 24 Mei 2026. Demikian juga peningkatan kes dalam kalangan belia lelaki yang berusia antara 20 hingga 39 tahun yang menyumbang 75% daripada keseluruhan kes.

penekanan utama diberikan terhadap elemen bimbingan dan kesedaran kerohanian seperti mengenali kelebihan manusia, matlamat dan pengakhiran kehidupan, iktibar kematian, terapi zikir, dan solat.⁶⁷

Menyentuh tentang solat, Imam al-Razi dalam mentafsirkan ayat 45, Surah al-Ankabut, "kerana solat menahan diri daripada perbuatan yang memalukan dan tidak adil," menyatakan bahawa solat yang dapat mencegah perbuatan keji dan kemaksiatan adalah yang dilaksanakan berserta hati yang khusyuk. Solat seperti inilah yang berperanan sebagai benteng atau perisai bagi seseorang. Oleh sebab itulah, Nabi SAW bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang tidak dihalang solatnya daripada kemaksiatan, maka tidak bertambah apa pun jua dengan solat tersebut melainkan semakin jauh (daripada Allah). (Al-Tabarani). Seseorang yang menunaikan solat dalam keadaan menyedari dirinya sebagai hamba, ia akan mencapai kedudukan orang yang menunaikan solat dan bermunajat kepada Tuhannya. Oleh itu, mustahil baginya untuk meninggalkan pengabdian diri kepada Tuhannya dan sebaliknya mentaati syaitan yang dibuang daripada syurga. Hal inilah yang membezakan dirinya dengan pelaku kemungkaran yang berada dalam ketaatan kepada syaitan.⁶⁸

Program Mukhayyam yang dijalankan JAKIM juga pada waktu tertentu, melibatkan mak nyah dalam aktiviti solat berjemaah bersama masyarakat. Selain itu, mereka juga melakukan khidmat sosial sepanjang program dijalankan bagi menghakis stigma antara mak nyah dengan masyarakat. Program ini telah melibatkan kira-kira 1,700 komuniti LGBT sehingga.⁶⁹ Menurut laporan dan temu bual dengan individu yang berkaitan, 5% daripada peserta telah berubah dari segi penampilan, manakala selebihnya masih dalam proses bermujahadah.⁷⁰

Berdasarkan maklum balas daripada peserta, program ini diakui dapat membetulkan salah faham terhadap kumpulan agama yang dianggap cenderung untuk mengambil sikap menghukum terhadap mereka yang melakukan kesalahan. Selain itu, peserta berpeluang memahami ajaran asas Islam, seperti solat dan atau fardu ain, serta menyedari tanggungjawab mereka terhadap Tuhan dan orang lain di samping memulihkan keyakinan diri mereka. Matlamat yang disasarkan adalah untuk memberikan bimbingan dan kesedaran kepada golongan LGBTQ khususnya dalam kalangan umat Islam di Malaysia untuk menjalani kehidupan yang selaras dengan tuntutan syariah. Program Mukhayyam boleh dijadikan model untuk dilaksanakan oleh agensi kerajaan, CSO dan lain-lain.⁷¹ Selain Mukhayyam, aktiviti susulan seperti kumpulan usrah atau halaqah, iaitu aktiviti pendidikan agama, dan kelas pengajian juga

Salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes ini adalah hubungan homoseksual, selain penggunaan aplikasi media sosial yang menawarkan perkhidmatan mencari pasangan sejenis. RTM. "HIV: Kes Baharu Menurun, tapi Jangkitan dalam Kalangan Belia Lelaki Membimbangkan." *Berita RTM*, 24 Mac 2025, <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/hiv-kes-baharu-menurun-tapi-jangkitan-dalam-kalangan-belia-lelaki-membimbangkan/>, diakses pada 24 Mei 2026.

⁶⁷ Ibid.

⁶⁸ Al-Razi, Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Umar ibn al-Hasan ibn al-Husain al-Taimi. *Mafatih al-Ghaib*, Edisi ke-3. Jilid 25, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1420H).

⁶⁹ Muhammad Saufi Hassan, "JAKIM Santuni Golongan LGBT," *Harian Metro*, 16 Mei 2021, <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/05/706415/jakim-santuni-golongan-lgbt>, diakses pada 25 Mei 2026.

⁷⁰ Mohd Subri, Nur Syuhada, Khader Ahmad, dan Muhammad Adam Abd. Azid. Peranan JAKIM dalam Menangani Golongan Mak Nyah di Malaysia. Dalam *Prosiding Pembedayaan Jaringan Strategik Ummah: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*, (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2020), 265–294

⁷¹ Ibid.

dianjurkan untuk kumpulan ini. Organisasi ini sama ada melalui inisiatif komuniti sendiri atau melalui agensi seperti JAKIM, JAIN, dan CSO.

Meskipun jelas bahawa matlamat dan pendekatan yang digunakan sama sekali berbeza daripada amalan terapi pemulihan barat, program Mukhayyam terus dikritik berdasarkan prejudis yang tidak munasabah. Antaranya termasuklah kenyataan Numan Afifi semasa Sesi UPR di Majlis Hak Asasi Manusia pada Mac 2019 yang mendakwa Malaysia tidak berlaku adil kepada golongan LGBTQ.⁷² Hal ini disebabkan program Mukhayyam JAKIM yang dilabelkan sebagai "keganasan yang ditaja kerajaan" ("state-sponsored violence") dan melaksanakan terapi pemulihan (*conversion therapy*) kepada golongan LGBTQ tempatan. Sebagaimana dilaporkan media tempatan, kenyataan Numan disokong oleh 41 NGO hak asasi manusia di Malaysia.⁷³ Sehubungan dengan hal itu, JAKIM mengeluarkan kenyataan⁷⁴ untuk menafikan tuduhan palsu dan memberikan gambaran sebenar tentang konsep dan pelaksanaan program Mukhayyam.⁷⁵

Selain memenuhi hak beragama LGBTQ, program pendidikan dan pemulihan seperti program Mukhayyam memainkan peranan penting dalam menjaga salah satu daripada lima nilai asas dalam *maqasid al-syariah* iaitu kehidupan. Hal ini terutamanya melalui sesi penerangan program Mukhayyam berkaitan dengan HIV dan penyakit berjangkit lain. Media tempatan melaporkan pada Oktober 2017 bahawa homoseksual dan biseksual merupakan penyumbang utama penyebaran HIV dan AIDS, terutamanya di sekitar ibu kota. Menurut statistik daripada Bahagian HIV/STI, Kuala Lumpur, dan Jabatan Kesihatan Putrajaya, homoseksual dan biseksual menyebabkan sehingga 65 peratus jangkitan, manakala hubungan seksual lelaki dengan wanita atau sebaliknya menyebabkan 31 peratus.⁷⁶ Selain HIV, sebagaimana yang dilaporkan oleh WHO, sebilangan besar kes yang dilaporkan berkaitan dengan wabak Mpox (cacar monyet) di pelbagai buah negara pada 2022 dan 2023 dikenal pasti dalam kalangan lelaki gay, biseksual, dan lelaki lain yang melakukan hubungan seks dengan lelaki (MSM). Oleh sebab virus ini menular daripada individu kepada individu dalam rangkaian seksual di banyak negara, lelaki gay, biseksual, dan MSM mungkin berisiko lebih tinggi terdedah jika mereka melakukan hubungan seks atau mempunyai kontak rapat lain dengan individu yang berjangkit.⁷⁷

⁷² Special Rapporteur, "Communication to the Government of Malaysia," 10 Mei 2019, <https://spcommreports.ohchr.org/TMResultsBase/DownloadPublicCommunicationFile?gld=24563>, diakses pada 14 Mac 2025.

⁷³ "Evidence of State-Sponsored Violence and Discrimination against LGBT Persons in Malaysia — 41 NGOs," *Malay Mail*, 19 April 2019, <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2019/04/19/evidence-of-state-sponsored-violence-and-discrimination-against-lgbt-person/1744959>, diakses pada 4 Disember 2024.

⁷⁴ Unit Komunikasi Korporat JAKIM, "Kenyataan Media JAKIM mengenai Kenyataan Numan Afifi dan 41 NGO," *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*, 2019, <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/425-kenyataan-media-jakim-berhubung-kenyataan-numan-afifi-dan-41-ngo>, diakses pada 25 Mei 2026.

⁷⁵ Mokhtar, Rafidah Hanim (22 Mac 2023). "Issues of Morality in the Application of Human Rights." Kertas kerja Seminar *Universalisme vs Relativisme dalam Konteks Pemantauan Hak Asasi Manusia di Malaysia*. Anjuran Perikatan Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia dalam Proses UPR (MACSA), Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws (AIKOL), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan UID-Sejahtera Malaysia. Dewan Senat, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

⁷⁶ Muhammad, Anne. "JAKIM Bimbang Penularan HIV di Kalangan Homoseksual." *Malaysiakini*, 9 Oktober 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/398255>, diakses pada 25 Mei 2026.

⁷⁷ World Health Organization. "Mpox." *World Health Organization*. 2024, <https://www.who.int/news-room/questions-and-answers/item/mpox>, diakses pada 25 Mei 2026.

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, penulis berpendapat rawatan dan pemulihan secara psikospiritual Islam amat baik dan bersesuaian dengan kumpulan LGBTQ. Psikoterapi Islam merupakan disiplin ilmu yang membahaskan kaedah rawatan kejiwaan berteraskan al-Quran, Hadith, dan amalan salafus soleh yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Psikoterapi Islam dilihat mampu memberikan penyembuhan bagi konflik kejiwaan, emosi, dan pemikiran manusia. Hal ini seterusnya dapat memberikan kesan positif kepada tingkah laku seseorang. Psikoterapi Islam yang berteraskan penghayatan akidah juga menekankan ketenangan jiwa dan membentuk kesihatan mental yang lebih stabil. Dalam tafsirannya terhadap ayat al-Quran berkaitan dengan ketenangan jiwa, Imam al-Razi menegaskan bahawa ia bukan merujuk ketenangan dan kebahagiaan duniawi yang bersifat jasmani namun sebaliknya berkaitan dengan kebahagiaan ukhrawi.⁷⁸ Beliau juga menjelaskan bahawa hati yang dipenuhi iman akan kekal tenang meskipun berhadapan dengan ujian, manakala kelemahan iman menyebabkan kegelisahan, keraguan, dan kecenderungan untuk berpaling daripada agama. Kesimpulannya, keimanan yang mantap mampu membentuk kestabilan kognitif, emosi dan rohani serta berperanan sebagai pelindung daripada tekanan dan tingkah laku berisiko, selaras dengan dapatan kajian psikoterapi Islam kontemporari.

RAJAH ALIRAN KAJIAN

| ALIRAN KAJIAN | FOKUS KAJIAN | PERBINCANGAN KAJIAN |
|---------------|-------------------------------|--|
| Fasa 1 | Latar Belakang & Permasalahan | Kebangkitan normalisasi LGBTQ dipengaruhi naratif hak asasi global dan prinsip Sexual Orientation and Gender Identity (SOGI). Hal ini mendorong usaha pemulihan melalui pendekatan agama dilabel sebagai <i>conversion therapy</i> sebagaimana diamalkan di barat. |
| ▼ | ▼ | ▼ |
| Fasa 2 | Pertembungan Pandangan Alam | Perspektif liberal menekankan kebebasan seksual individu. Sebaliknya, Islam menegaskan bahawa hak mesti diimbangi dengan kewajipan sebagai hamba (<i>'abid</i>) yang berteraskan konsep fitrah dan keberhutangan kepada Pencipta (<i>din</i>). Kumpulan LGBTQ memiliki hak untuk dibimbing (<i>irshad & islah</i>) dan bukannya untuk menuntut kebebasan bagi menurut nafsu. |
| ▼ | ▼ | ▼ |
| Fasa 3 | Metodologi Penyelidikan | Kajian kualitatif berbentuk analisis doktrinal dengan menggunakan sumber primer, iaitu al-Quran, Hadis, dan pandangan ulama di samping sumber sekunder, iaitu jurnal, fatwa, laporan PBB, dan undang-undang tempatan. |
| ▼ | ▼ | ▼ |

⁷⁸ Mohd Manawi Mohd Akib, Nurul Shuhadah Md Yahya, Sharifah Basirah Syed Muhsin, dan Che Zarrina Sa'ari (Disember 2025). Terapi Psikospiritual Berdasarkan Konsep Ketenangan Jiwa Menurut *Al-Tafsir al-Kabir* dalam Menangani Remaja Berisiko. *QURANICA: International Journal of Quranic Research* 17, no. 2, 247-250.

| | | |
|---------------|--|---|
| Fasa 4 | Model Intervensi & Pemulihan | Program Mukhayyam JAKIM merupakan model holistik, iaitu santunan dari aspek spiritual, psikologi, kesihatan, dan sosioekonomi. Ia juga menekankan tiga (3) prinsip santunan, iaitu (1) Pendekatan dakwah secara lembut dan berhikmah (2) Pendirian tegas menurut hukum syarak, dan (3) Bimbingan tanpa menghukum. Penghijrahan kumpulan LGBTQ diasaskan pada penghayatan solat, pembersihan niat, pembinaan komuniti sokongan baharu, dan penghapusan stigma. |
| ▼ | ▼ | ▼ |
| Fasa 5 | Cabaran Jurisprudensi & Benteng Negara | Cabaran undang-undang syariah timbul melalui kes mahkamah seperti <i>Iki Putra (2021)</i> & <i>Juzaili (2015)</i> yang mengecilkan bidang kuasa syariah negeri dan menimbulkan risiko kelompangan undang-undang. Namun, ia dibendung melalui fatwa pengharaman penukaran jantina (1989), Seksyen 377A-C Kanun Keseksaan, dan peranan NGO Islam (MACSA) pada peringkat antarabangsa (UPR PBB). |
| ▼ | ▼ | ▼ |
| Fasa 6 | Resolusi dan Impak Kajian | Kajian menegaskan bahawa hak kumpulan LGBTQ untuk menerima bimbingan agama secara tersusun serta keperluan mendesak bagi penyelarasan tafsiran undang-undang demi memelihara kedaulatan undang-undang Islam serta akhlak masyarakat. |

Kesimpulan

Permasalahan atau isu orientasi seksual dan identiti jantina (OSIJ) perlu ditangani berpandukan garis panduan syariat. Hal ini bertujuan memastikan persoalan ini difahami menurut kerangka yang benar dan tidak menyimpang daripada petunjuk agama. Dalam hubungan ini, agama juga memberikan panduan bagaimana individu yang terlibat dalam isu berkenaan perlu diberikan panduan serta bimbingan yang sewajarnya. Panduan dan bimbingan yang diberikan bertujuan memenuhi hak beragama komuniti berkenaan yang seterusnya dapat menjayakan proses rawatan serta pemulihan yang dijalankan. Inisiatif penting yang diambil untuk menyantuni golongan LGBT, sama ada oleh agensi kerajaan seperti JAKIM dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu diberikan sokongan padu bagi menjamin kejayaan matlamat yang disasarkan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini memberikan aspek dari sudut pembangunan model Islamik yang beretika dan kontekstual dalam menangani isu LGBTQ. Pembangunan model sedemikian juga penting dalam memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap pendekatan Islam yang menitikberatkan aspek bimbingan, pemulihan, dan pemeliharaan hak beragama golongan terlibat. Antara bentuk cabaran terhadap program pemulihan dan inisiatif yang dijalankan bagi memenuhi hak beragama golongan LGBTQ termasuklah bantahan serta kecaman dalam pelbagai wadah dan peringkat. Tindakan ini jelas merupakan penafian dan diskriminasi terhadap hak beragama Kumpulan tersebut. Dalam menghadapi bantahan dan penentangan ini, antara langkah terbaik yang perlu diberikan tumpuan termasuklah menyampaikan naratif sebenar berdasarkan petunjuk agama melalui pelbagai platform secara berterusan. Seterusnya,

lebih banyak penyelidikan perlu dilakukan khususnya berkaitan dengan amalan terbaik negara di dunia berhubung dengan keberkesanan program pemulihan golongan LGBTQ.

Rujukan

- 'Adil al-Syuwaikh. *Ta' lil al-Ahkam*. Mesir: Dar al-Basyir li al-Thaqafah wa al-'Ulum, 2020.
- Abdul Hamid Mohamad. "Ulasan Kes Muamad Juzaili." 2014. <https://tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/738-ulasan-penghakiman-kes-muhamad-juzaili>.
- Akib, Mohd Manawi Mohd, Nurul Shuhadah Md Yahya, Sharifah Basirah Syed Muhsin, dan Che Zarrina Sa'ari (Disember 2025). "Terapi Psikospiritual Berdasarkan Konsep Ketenangan Jiwa Menurut Al-Tafsir al-Kabir dalam Menangani Remaja Berisiko." *QURANICA: International Journal of Quranic Research* 17(2)(2025): 237–268.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dan Sekularisme*. Diterjemahkan oleh Khalif Muammar A. Harris. Kuala Lumpur: RZS-CASIS-HAKIM, 1993.
- American Psychological Association. "A Guide to Sexual Orientation and Gender Diversity Terms." *American Psychological Association*, 23 Mei 2022. Diakses pada 24 Mei 2026. <https://www.apa.org/ed/precollege/psychology-teacher-network/introductory-psychology/diversity-terms>.
- Amin, Azril Mohd. "Tuntutan Hak Asasi Manusia Jangan Korbankan Islam." *Berita Harian*, 9 Oktober 2017, 10. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/10/335067/tuntutan-hak-asasi-jangan-korbankan-islam>.
- Amnesty International. "Landmark Decision on Section 28 Welcome and Must Lead to Repeal of Other Discriminatory Laws." 25 Februari 2021. Diakses pada 19 Mei 2025. <https://www.amnesty.my/2021/02/25/landmark-decision-on-section-28-welcome-and-must-lead-to-repeal-of-other-discriminatory-laws/>.
- Aziz, Enizahura Abdul. "Kemunculan Fahaman dan Amalan LGBT." Dalam *Kekeliruan Gender: Penjelasan Islam*, disunting oleh Azizan Baharuddin, Enizahura Abdul Aziz, dan Mohd Amiruddin Kamarulzaidi. Kuala Lumpur: IKIM, 2023. 27–36.
- Aziz, Shamrahayu A. *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: IKIM, 2018.
- Aziz, Shamrahayu A. "Fahami Perkataan Agama dalam Perlembagaan." *Berita Harian*, 21 Disember 2017. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/12/365970/fahami-perkataan-agama-dalam-perlembagaan>.
- Bowen, Glenn A. (2009) "Document Analysis as a Qualitative Research Method." *Qualitative Research Journal* 9, no. 2: 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>.
- Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO). *Civil Society Mid-Term Report on Malaysia's 3rd Cycle in the UPR Process*. 2021. Diakses pada 20 April 2025 https://komas.org/download/Mid-Term_Report_for_Malaysias_3rd_Cycle_by_Civil_Society_COMANGO.pdf.

- Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO). *Comango-Report-11Mar2013-FINAL--Annexure.pdf*. 2013. Diakses pada 20 April 2025. <http://www.awam.org.my/web/wp-content/uploads/2012/11/>.
- Draman, Samsul, Maliya S., Liyana A., Roikhatul Jannah, dan Razaman Mod Rus (2016). "Psycho-social and Spiritual Backgrounds, Experiences, and Needs as a Transsexual: A Qualitative Study within Persatuan Insaf Pahang." *International Medical Journal Malaysia* 15, No. 2: 27–36.
- Hassan, Muhammad Saufi. "JAKIM Santuni Golongan LGBT." *Harian Metro*, 16 Mei 2021. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/05/706415/jakim-santuni-golongan-lgbt>.
- Haridi, Noor Hafizah, Kamal Azmi Abd. Rahman, dan Rosni Wazir (2016). "Metodologi Dakwah terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)." *Jurnal Pengajian Islam* 9, No. 2: 103–119.
- Haridi, Noor Hafizah Mohd, Norsaleha Mohd Salleh, dan Khairul Hamimah Mohammad Jodi (2021). "Kepentingan Pendekatan Rohani kepada Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) di Malaysia." Dalam *Pembangunan Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial: Idea dan Analisis*, 113–121.
- Human Rights Watch. *All We Want Is Equality* (2018). Diakses pada 19 Mac 2025 <https://www.hrw.org/report/2018/02/19/all-we-want-equality/religious-exemptions-and-discrimination-against-lgbt-people>.
- Human Rights Watch. *I Don't Want to Change Myself* (2022). Diakses pada 25 Jun 2025. <https://www.hrw.org/report/2022/08/10/i-dont-want-change-myself/anti-lgbt-conversion-practices-discrimination-and>.
- Independent Forensic Expert Group (t.t.). "Statement on Conversion Therapy." Diakses pada 19 Mei 2025. https://www.ohchr.org/sites/default/files/Documents/Issues/SexualOrientation/IESOGI/CSOAJ/IFEG_Statement_on_C.T._for_publication.pdf.
- International Rehabilitation Council for Torture Victims (IRCT). (t.t.) *About the IRCT*. Diakses pada 23 Jun 2025. <https://irct.org/about-the-irct/>.
- Ishak, Ariffuddin. "Majlis Fatwa Kebangsaan Digesa Halang Program Seksualiti Merdeka." *mStar*, 1 November 2011. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/11/01/majlis-fatwa-kebangsaan-digesa-halang-program-seksualiti-merdeka>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Manual Islam dan Mak Nyah*. Putrajaya: JAKIM, 2013. Diakses pada 14 April 2025. https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Manual_Islam_dan_Mak_Nyah-2.pdf.
- Knight, Robert (t.t.) *Born or Bred?* <https://www.islamawareness.net/Homosexuality/bornorbred.pdf>.
- Lim, Ida. "Mahkamah Persekutuan Sebulat Suara Mengisytiharkan Undang-undang Syariah Menjenayahkan Seks Luar Wajar Tidak Sah, Tidak Berperlembagaan." *Malay Mail*, 25 Februari 2021. Diakses pada 14 April 2025.

- <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/25/federal-court-unanimously-declares-selangor-shariah-law-criminalising-unnat/1952701>.
- MACSA (2024). *Joint Submission for Stakeholders' Information: 4th Cycle of Universal Periodic Review on Malaysia*. Diakses pada 26 April 2025. <https://macsa.com.my/wp-content/uploads/2023/09/MACSA-UPR4-FINALIZED.pdf>.
- MACSA. *Mid-Term Report on Malaysia 3rd Cycle in UPR Process* (2022). Diakses pada 24 April 2026. <https://www.ohchr.org/sites/default/files/2022-01/MACSA-Mid-Term-Report-Malaysia-3rd-cycle.pdf>.
- Mahmud, Maisarah, dan Nur Zainatul Nadra Zainol (Disember 2022). "Fenomena LGBT di Malaysia: Analisis Faktor dan Kaedah Pemulihan." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23, No. 3, 136–147.
- Majid, Wan Roslili Abd (Jun 2023). "Honouring the Religious Rights of the LGBTQ Persons: An Islamic Perspective." *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 16, No. 1), 93–120.
- Majid, Wan Roslili Abd (2015). "Rights Demanded by LGBT: A Preliminary Refutation." *TAFHIM: Journal of Islam and the Contemporary World* 8, 37–61.
- Malay Mail. "Evidence of State-Sponsored Violence and Discrimination against LGBT Persons in Malaysia — 41 NGOs." *Malay Mail*, 19 April 2019. Diakses pada 4 Disember 2024. <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2019/04/19/evidence-of-state-sponsored-violence-and-discrimination-against-lgbt-person/1744959>.
- Malay Mail. "Learn about Us First, Transgender Activist Tells Terengganu over Proposed Rehab Course." *Malay Mail*, 29 Disember 2017. Diakses pada 24 April 2025. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2017/12/29/learn-about-us-first-transgender-activist-tells-terengganu-over-proposed-re/1542445>.
- Mohamad, Anne. "JAKIM Bimbang Penularan HIV di Kalangan Homoseksual." *Malaysiakini*, 9 Oktober 2017. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.malaysiakini.com/news/398255>.
- Mokhtar, Rafidah Hanim (2019). *Homo Fakta – Membetulkan Persepsi dan Auta tentang LGBT*. Kuala Lumpur: Wahai Sdn. Bhd.
- Mokhtar, Rafidah Hanim. "Issues of Morality in the Application of Human Rights." Kertas kerja Seminar *Universalisme vs Relativisme dalam Konteks Pemantauan Hak Asasi Manusia di Malaysia*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 22 Mac 2023.
- Mokhtar, Muhammad Faiz, Wan Allef Elfi Danial Wan Sukeri, dan Zulkifli Abd Latiff (2019). "Peranan Media Sosial dalam Menyebarkan Gerakan LGBT di Malaysia." *Jurnal Media dan Komunikasi Asia* 3, No. 2, 77–82.
- Narrain, Arvind. "The Yogyakarta Principles on Sexual Orientation and Gender Identity: Establishing the Universality of Human Rights." *International Service for Human Rights (ISHR)*, 1 November 2016. Diakses pada 24 Mei 2026. <https://ishr.ch/latest-updates/yogyakarta-principles-sexual-orientation-and-gender-identity-establishing-universality-human/>.
- Al-Razi, Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Umar ibn al-Hasan ibn al-Husain al-Taimi. *Mafatih al-Ghaib*. Edisi ke-3. Jilid 25. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1420H.

- RTM. "HIV: Kes Baharu Menurun, tapi Jangkitan dalam Kalangan Belia Lelaki Membimbangkan." *Berita RTM*, 24 Mac 2025. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/hiv-kes-baharu-menurun-tapi-jangkitan-dalam-kalangan-belia-lelaki-membimbangkan/>.
- Roslan, Suraya. "Kes HIV Penuntut Universiti, Sekolah Makin Tinggi Angka Aktiviti Seksual." *Berita Harian*, 26 April 2025. Diakses pada 24 Mei 2026. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1389081/kes-hiv-penuntut-universiti-sekolah-makin-tinggi-angka-aktiviti>.
- Saadon, Saiful Azhar, dan Mohd Izwan Md Yusof (2016). "Program Mukhyyam oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap Golongan Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender (LGBT) di Malaysia." Dalam *Prosiding Seminar Innovation in Humanities and Social Sciences*. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Saadon, Saiful Azhar, dan Mohd Izwan Md Yusof (2017). "Unsur-unsur Pisispiritual Islam dalam Video Pendek 'LGBT: Apa yang Anda Perlu Tahu?' Penerbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)." *Jurnal Pengajian Islam* 10, No. 2, 216–227.
- Al-Sarakhsi, Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahl. *Usul al-Sarakhsi*. (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.)
- Special Rapporteur. "Communication to the Government of Malaysia." 10 Mei 2019. Diakses pada 14 Mac 2025. <https://spcommreports.ohchr.org/TMResultsBase/DownloadPublicCommunicationFile?gId=24563>.
- Subri, Nur Syuhada Mohd. "Pendekatan Pemulihan kepada Orang Transgender mengikut Fiqh al-Hadith: Kajian Program Pemulihan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)." Disertasi Dr. Fal, Universiti Malaya, 2021.
- Subri, Nur Syuhada Mohd, Khader Ahmad, dan Muhammad Adam Abd. Azid (2020). "Peranan JAKIM dalam Menangani Golongan Mak Nyah di Malaysia." Dalam *Prosiding Pembedayaan Jaringan Strategik Ummah: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*, 265–294. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Al-Tahanawi. *Kashshaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum*. Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun, 1966.
- Unit Komunikasi Korporat JAKIM. "Kenyataan Media JAKIM mengenai Kenyataan Numan Afifi dan 41 NGO." *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*, 2019. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/425-kenyataan-media-jakim-berhubung-kenyataan-numan-afifi-dan-41-ngo>.
- Wikipedia. "Seksualiti Merdeka." t.t. Diakses pada 12 Februari 2025. https://en.wikipedia.org/wiki/Seksualiti_Merdeka.
- World Health Organization. "Moving One Step Closer to Better Health and Rights for Transgender People." 17 Mei 2019. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.who.int/europe/news/item/17-05-2019-moving-one-step-closer-to-better-health-and-rights-for-transgender-people>.
- World Health Organization. "Mpox." 2024. Diakses pada 25 Mei 2026. <https://www.who.int/news-room/questions-and-answers/item/mpox>.
- Yusof, Mohd Izwan Md. *Meneroka Fitrah Insani*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021.

Yusof, Mohd Izwan Md. "Perspektif Komuniti Lesbian, Gay, dan Transgender Muslim terhadap Perlakuan Homoseksual dan Konsep Perkahwinan dalam al-Qur'an." Disertasi Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.